

Dasar-dasar
Adat Perpatih

OLEH . ABDUL RAHMAN BIN HJ. MOHAMMAD

dasar-dasar adat perpateh

untuk anak2-ku :

- *zarina*
- *zarida*
- *zariati*
- *zaziani*

DASAR-DASAR ADAT PERPATEH

oleh

Abdul Rahman bin Hj. Mohammad



1964

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA
KUALA LUMPUR.

BAB V

HIDUP DALAM SUKU

Di-sebabkan sa-tiap Suku itu merupakan satu ikatan Keluarga, dengan semua anggota atau anak-buah-nya terikat oleh pertalian darah antara yang sa-orang dengan yang sa-orang lagi, maka tentu-nya orang2 yang sa-Suku itu menjalanakan dan melazimkan hidup saperti yang di-jalan dan di-lazimkan dalam kalangan orang2 adek beradek, anak beranak.

Kalau orang2 yang adek beradek dan anak beranak itu menghadapi hidup mereka dengan bantu membantu, tolong menolong, kaseh mengasehi antara satu dengan yang lain, saperti berlaku antara abang dengan adek, ibu dengan anak, nenek dengan chuchu, maka demikian juga-lah hal-nya dengan mereka yang hidup dalam Suku dan yang sa-Suku itu.

Pada dasar-nya tiap2 sa-suatu kerja yang hendak dilaksanakan oleh sa-saorang itu mesti-lah di-lakukan atas nama dan bagi pehak bersama (Keluarga atau Suku).

Sa-kira-nya kerja yang di-lakukan itu mendatangkan faedah dan kebajikan, maka faedah dan kebajikan itu ada-lah untok dan bagi bersama-sama dalam Keluarga.

Demikian juga sa-kira-nya kerja yang di-laksanakan

itu mendatangkan kerugian, maka kerugian itu pula merugikan mereka bersama.

Kerja yang baik tentu-nya mendatangkan kebaikan kepada bersama dan demikian juga kerja yang keji akan memberi malu kepada semua.

Adat Perpatih juga tiada mengidzinkan sa-saorang itu hidup mementingkan diri sendiri.

“Kalau gedang (besar) jangan melanda (melanggar), jika cherdek jangan-lah menipu”.

Tiada sa-orang pun yang boleh memencil dan menyingkirkan diri-nya daripada Suku dan masharakat-nya:—

Sejak berduku, berkelapa,
pandan tidak panjang lagi.

Sejak ber-Suku berkepala,
badan nan tidak senang lagi.

Kalau sa-saorang ada di-dalam kesusahan maka wajib-lah bagi Suku-nya mengambil berat menyenangkan-nya, kerana demikian-lah kewajiban dan tanggung-jawab Suku terhadap tiap2 anggota atau Anak-buah.

Jika sa-saorang itu mendapat kesenangan, sudah tentu kesenangan-nya itu sa-tidak2-nya menyenangkan Suku-nya, kerana kesenangan yang di-perolehi sa-saorang itu, pada dasar dan pada hakikat-nya, ada-lah kesenangan untuk dan bagi bersama.

Sa-kira-nya sa-saorang itu melakukan kesalahan pula, maka ada-lah kewajiban Suku-nya mengambil tindakan ka-atas diri orang itu, kerana tiap2 kesalahan yang di-lakukan itu sa-mesti-nya membabit dan memperlibatkan Suku—kerana dalam pandangan Adat Perpatih, segala perbuatan yang di-laksanakan itu ada-lah di-laksanakan atas nama dan bagi pehak Suku ada-nya.

Maka itu-lah di-katakan dan di-adatkan supaya orang2 yang sa-Suku itu harus-lah hidup “Bak telur sa-sangkar,

pechah sa-buah pechah semua-nya"— Binasa sa-orang binasa semua dalam Suku.

Bagitu juga mereka itu ada-lah hidup "Sa-hina, sa-malu"— Hina sa-orang hina semua-nya, malu sa-orang malu semua-nya.

Mereka yang sa-Suku itu di-katakan juga hidup saperti orang2 yang "Sa-halaman sa-permainan, sa-perigi sa-permandian, sa-jamban sa-perulangan".

Orang2 yang sa-Suku itu sama taraf belaka antara yang sa-orang dengan yang sa-orang lagi. "Dudok sama rendah, berdiri sama tinggi".

Hidup bekerjasama antara satu dengan yang lain mestilah di-utamakan: "Berat sama di-pikul, ringan sama di-jingjing; bukit sama di-daki, lurah sama di-turuni; Hati gajah sama di-lapah, hati kuman sama di-chechah".

Mereka hendak-lah sentiasa menolong kaum-nya yang di-dalam kesusahan. "Hanyut di-pintasi, lulus di-selami, hilang di-chari".

Beberapa Soalan:

- (1) Apa-kah yang di-maksudkan dengan hidup sa-hina sa-malu? ada-kah mereka menganggap tinggi-rendah antara satu dengan yang lain?
- (2) Bagaimana-kah kedudukan Anak2-buah dalam Suku-nya, ia-itu
- (3) Apa-kah kaum-nya akan membiarkan sahaja apabila sa-saorang Anak-buah mengalami kesusahan?
- (4) Bagaimana bunyi gurindam Adat Perpatih tatkala menyeru Anak2-buah hidup dengan bekerjasama.
- (5) Apa-kah yang di-maksudkan dengan perbilangan "Kalau ge-dang jangan melanda, jika cherdek jangan menipu"?

PENUTUP

Penyusun ingin mengingatkan bahawa buku ini hanya mencheritakan "Adat Perpateh" itu pada dasar-nya sahaja, kerana perbedzaan2 kechil-kechilan di-sana sini tetap di-dapati dari "Adat Perpateh" yang di-pakai di-Naning dengan yang di-pakai dalam Luak2 Negeri Sembilan dan juga di-Minangkabau; seperti di-katakan oleh pepatah: "Lain padang lain belalang, lain lubok lain ikan". Akan tetapi pada dasar-nya belalang itu belalang juga dan ikan itu ikan juga; dan demikian juga pada dasar-nya "Adat Perpateh" itu ada-lah sama belaka keadaan-nya di-tiap-tiap Luak dan Negeri tersebut.

Berhubung dengan Bab Kesabelas, penyusun meminta ma'af kerana tiada dapat menghurai, membinchang dan mencheritakan kesah "Raja Tiada Bernegeri" itu dengan sa-penoh-nya, kerana ia-nya sa-benar-nya merupakar sejarah Negeri Sembilan, yang sudah tentu akan lebeh sesuai di-binchang dan di-huraikan dalam sa-buah buku sejarah pula.

Di-sini juga penyusun ingin menyatakan bahawa susunan dan kekuasaan pemerintahan seperti telah di-cheritakan itu ada-lah yang telah betul2 di-jalankan di-waktu para penganut "Adat Perpateh" itu telah memerintah negeri2 mereka sendiri.

Kita semua tentu ma'alam bahawa sejak orang2 Minangkabau, Naning dan Negeri Sembilan di-perintah oleh Kuasa2 Penjajah (Belanda dan Inggeris), kuasa2 "Undang", "Lembaga" dan "Buapak" itu sudah banyak di-rampas dan di-perkechilkan.

Hari ini mereka itu hanya mempunyai kuasa menguruskan perkara2 kecil sahaja.

Kita juga terlebih ma'alam bahawa "Adat Perpateh" itu merupakan Falsafah Hidup satu bangsa "Petani".

Maka sama ada Falsafah Hidup itu sesuai atau tidak untuk satu masyarakat yang hidup "Dalam zaman Perindustrian"—seperti zaman yang kita tempoh sekarang—tiadalah penyusun bermaksud membinchangkan-nya pula.